

D158

U 8489 DEB

1984

MAHATHIR - MARDI

SERDANG, 1 DIS. (BERNAMA)-- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MAHUKAN PARCI USAHAWAN BUMIPUTERA MENCEBURL BIDANG-BIDANG PERUSAHAAN BARU YANG BOLEH MENDATANGKAN HASIL YANG LEBIH LUMAYAN DAN BUKAN BIDANG YANG SUDAH POPULAR DAN TERLALU BANYAK PENYERTAAN.

AMTARA BIDANG-BIDANG YANG BOLEH DIUSAHAKAN SECARA BESAR-BESARAN IALAH PERUSAHAAN MENANAM PISANG EMAS, BUAH MEMPELAM, MANGGA DAN HALIA YANG MEMPUNYAI PASARAN YANG LUAS, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) DI SINI.

KATANYA, PERUSAHAAN ITU BOLEHLAH DIJALANKAN SECARA PERKONGSIAN DENGAN USAHAWAN-USAHAWAN BUMIPUTERA YANG LAIN SEKIRANYA MEREKA TIDAK MAMPU MENGUSAHAKANNYA SECARA BERSENDIRIAN.

BELIAU YAKIN MEREKA YANG MENCEBURI BIDANG ITU AKAN DAPAT MENGAU HASIL YANG LUMAYAN MEMANDANGKAN KEPAKARAN YANG TERDAPAT SERTA PEMASARAN YANG LUAS DI SELURUH NEGARA.

PERDANA MENTERI SETERUSNYA MENOLAK DAKWAAN USAHAWAN-USAHAWAN BUMIPUTERA KONONNYA MEREKA TIDAK DAPAT BERNIAGA KERANA BIDANG PERUSAHAAN DI NEGARA INI ADALAH TERHAD. --LAGI

1341MST 01 12 84

D172

U 8502 DEB

MAHATHIR - MARDI 2 SERDANG

ITU ADALAH TIDAK BENAR, KATANYA, DAN MENAMBAH BAHAWA APA YANG BERLAKU IALAH KEBANYAKAN USAHAWAN DI NEGARA INI HANYA MENCEBURI BIDANG-BIDANG YANG SUDAH POPULAR SAHAJA SEPERTI PERUSAHAAN MEMBUAT SOS, YANG TELAH DIUSAHAKAN OLEH TERLALU RAMAI PENGUSAHA, DAN AKIBATNYA MENGALAMI MASALAH UNTUK MENDAPATKAN PASARAN.

DISAMPING ITU TERDAPAT PULA KERAGUAN DI KALANGAN PARA USAHAWAN TENTANG KEBAIKAN PENEMUAN BARU HASIL PENYELIDIKAN SESEBUAH BADAN DI NEGARA INI, TAMPAHNYA.

WALAU PUN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MERUPAKAN PERKARA PENTING DALAM SEKTOR KOMERSIAL, TETAPI PENGGUNAAN PENEMUAN BARU HASIL SESUATU PENYELIDIKAN ITU ADALAH LEBIH PENTING DAN MENGUNTUNGAN. TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR.

OLEH ITU ADALAH PENTING SEKALI RAKYAT MENGETAHUI SETIAP HASIL PENYELIDIKAN SUPAYA MEREKA DAPAT MEMILIH DAN MELABUR DALAM BIDANG-BIDANG PERUSAHAAN YANG PALING MENGUNTUNGAN.

MENYENJUKAN MAKANAN YANG DIPROSES, PERDANA MENTERI YAKIN MAKANAN-MAKANAN TERSEBUT BOLEH MENJADI POPULAR DI NEGARA INI SEKIRANYA ADA GALAKAN YANG TERATUR DAN MELUAS --LAGI

1606MST 01 12 84

D176

U 8506 DEB

MAHATHIR - MARDI 3 SERDANG

YANG TURUT SERTA DALAM ROMBONGAN PERDANA MENTERI IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH HAJI ALI DAN MENTERI PERTANIAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM.

MEREKA JUGA TELAH MELAWAT MINI-PAMERAN, MAKMAL DIDIK IN-VITRO, BANCUNAN PHYTOTRON, KAWASAN HIDROPONIKS, KANDANG TERNAWAN DAN BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKANAN. --BERNAMA.

1447MST 01 12 84

U 8498 DEB